

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan dasar-dasar yang akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk mengekalkan kepemimpinan global Malaysia dalam pengeluaran sarung tangan getah, berdasarkan pengumuman Thailand bahawa mereka akan menumpukan perhatian kepada pengeluaran sarung tangan getah domestik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited melaksanakan dasar-dasar yang menyokong industri termasuk industri sarung tangan getah di dalam menggalakkan aktiviti ekonomi dalam negara. Semasa wabak COVID-19 mula tersebar hingga kini, Kerajaan tetap membenarkan industri perkhidmatan perlu (*essential services*) termasuk sarung tangan untuk terus beroperasi dengan prosedur operasi standard (SOP) tertentu.

Pada masa ini, Malaysia merupakan pengeksport terbesar sarung tangan getah dunia dengan syer pasaran 67%. Nisbah pengeluaran sarung tangan getah sintetik berbanding getah asli telah meningkat daripada 60:40 kepada 70:30 pada keadaan semasa yang telah mengurangkan kebergantungan kepada getah asli.

Kementerian juga sedang merangka Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN) 2021-2030 yang termasuk antara lainnya meningkatkan pengeluaran lateks tempatan yang disokong dengan pelaksanaan Koridor Lateks Pantai Timur. Peningkatan bekalan lateks ini dijangka dapat menampung keperluan lateks bagi kegunaan kilang sarung tangan getah di samping meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil.

Kementerian menerusi Majlis Getah Malaysia (MRC) juga sentiasa aktif dalam merangka dan melaksanakan pelan-pelan jangka pendek, sederhana serta jangka panjang untuk mengekalkan kepemimpinan global Malaysia dalam pengeluaran sarung tangan getah.

Di bawah pelan jangka pendek dan sederhana, MRC akan terus menjalankan aktiviti-aktiviti promosi di luar negara yang berkaitan dengan sarung tangan getah seperti penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa bersama-sama dengan pemain industri, menganjurkan misi perdagangan dan seminar pendidikan, fasiliti padanan perniagaan serta pengiklanan di media antarabangsa. Aktiviti-aktiviti promosi ini bukan sahaja merangkumi pasaran utama sarung tangan getah seperti Amerika Syarikat dan Eropah, malah turut meliputi negara-negara berpopulasi tinggi dan berpotensi besar seperti China, India, Indonesia, Vietnam, Mexico, Brazil dan Russia.

Melalui pelan jangka panjang pula, pihak Kementerian melalui MRC memfokuskan kepada mengalakkan aktiviti pelaburan oleh pemain industri dan memperkasakan industri hiliran getah bagi meningkatkan daya saing industri serta nilai eksport sarung tangan getah Malaysia.

Ini termasuklah penawaran insentif automasi dan teknologi hijau yang dilancarkan pada tahun 2019 berjumlah RM20 juta. Sehingga kini sebanyak RM7 juta telah dilulus yang melibatkan 14 projek termasuk perolehan mesin pembungkusan sarung tangan automatik, mesin mencelup getah lateks dan mesin melucutkan sarung tangan automatik untuk insentif automasi. Manakala untuk insentif teknologi hijau termasuk penggunaan teknologi biomass, pemasangan sistem kitar semula sisa air dan hujan serta pemasangan panel solar di kilang sarung tangan getah.

SOALAN NO : 14

Di samping itu, dana perhubungan industri (*industry linkage fund*) turut disediakan bagi menggalakkan kerjasama antara para penyelidik dan pemain industri dalam memperkasakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) serta inovasi di sektor hiliran getah.

Sehingga kini terdapat 9 buah syarikat yang telah mengumumkan untuk membuka kilang sarung tangan getah baharu di Malaysia seperti Mah Sing Group Bhd di Kapar, Klang, AT Systemization Bhd di Chemor, Perak dan Hong Seng Berhad di Sungai Petani, Kedah. Di samping itu, sekurang-kurangnya 5 buah syarikat sarung tangan sedia ada akan meningkatkan kapasiti masing-masing seperti Top Glove, Hartalega dan Supermax.

Selain daripada itu, Kementerian juga menggalakkan pelaburan baru kilang sarung tangan getah secara kerjasama dengan kerajaan negeri seperti di Terengganu yang mana salah satu kilang sarung tangan getah tempatan sedang mengadakan perundingan bersama salah sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Terengganu untuk membuka kilang baharu di Kerteh, Terengganu.

Sekian, terima kasih.